

**Najib Harap Rakyat Beri Sokongan Kepada Dan BN
Bernama
25 April, 2013**

KUALA LUMPUR, 25 April (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak berharap rakyat akan terus memberi sokongan kepadanya dan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum ke-13 (PRU13) 5 Mei ini agar mereka dapat terus berbakti kepada rakyat.

Perdana menteri berkata di Malaysia, pilihan raya diadakan bagi memberi hak kepada rakyat untuk memilih pentadbir kerajaan sama ada di peringkat pusat mahupun negeri.

"Ini ialah proses demokrasi yang telah diamalkan di negara kita sejak sekian lama.

"Pilihan raya kali ini adalah sejarah baharu buat saya kerana ini kali pertama saya bertanding, bukan sahaja sebagai calon di Parlimen Pekan tetapi juga sebagai pengerusi BN," katanya dalam entri terbaharu blog beliau www.1malaysia.com.my bertajuk 'Kempen PRU13: Hari Kelima' Khamis.

Dalam blog itu, Najib juga menyatakan bahawa beliau berpeluang melawat beberapa Pusat Daerah Mengundi semasa melawat dua hari ke Sabah pada Selasa dan Rabu, yang merupakan sebahagian daripada siri program sepanjang tempoh berkempen.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=945170>